

**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KERJA RAYA  
SEMPENA SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN HARI PSIKOLOGI  
KEMENTERIAN KERJA RAYA 2017**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Datuk Hajah Rosnah bte Abdul Rashid Shirlin  
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia TKSU-TKSU, Ketua-Ketua Agensi, Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi, Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga Kementerian Kerja Raya yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan inayah-Nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga serta para sahabat baginda.
2. Pertamanya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Unit Integriti dan Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKR selaku penganjur

bersama majlis ini. Sesungguhnya majlis ini merupakan satu usaha kementerian untuk menyemarakkan semangat berintegriti dan memupuk kesejahteraan psikologi dalam kalangan warga kementerian khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya.

3. Integriti dalam kalangan pejawat awam adalah amat penting memandangkan setiap pejawat awam diperlukan untuk bertindak secara beramanah kepada kuasa dan tugasnya, telus, tulus, tiada konflik peribadi, mempunyai akauntabiliti dan patuh kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Sekiranya berlaku konflik kepentingan, keutamaan harus diberikan kepada kepentingan awam. Punca ketirisan integriti adalah daripada dalam diri individu itu sendiri yang ada kalanya mengatasi prosedur dalaman, struktur dan sistem sedia ada. Dengan itu, boleh disimpulkan bahawa integriti wujud dalam diri seseorang individu dengan adanya disiplin serta kekuatan diri yang utuh yang mencerminkan watak dan keperibadian diri yang unggul.
4. Sehubungan itu, bagi merealisasikan hasrat dan aspirasi negara, setiap penjawat awam perlu mempunyai disiplin dan kekuatan diri yang berkait rapat dengan kesejahteraan emosi. Cabang ilmu psikologi berperanan besar dalam membina kekuatan watak yang bercirikan sifat unggul kemandirian, kecekalan, keyakinan dan semangat kebersamaan yang kental. Ia berupaya menggali potensi diri yang selama ini kurang disedari dalam jiwa setiap individu agar terus utuh mengharungi rempuhan dan cabaran.

## **Sambutan Hari Integriti dan Hari Psikologi 2017**

Para hadirin sekalian,

5. Sejak tahun 2005, Hari Integriti Kebangsaan disambut pada 5 November setiap tahun bagi membudayakan integriti sebagai cara hidup dan amalan masyarakat Malaysia. Tarikh ini dipilih bersempena dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai landasan ke arah pemantapan etika dan integriti masyarakat.
  
6. Hari Psikologi pula disambut selari dengan sambutan Hari Kesejahteraan Mental Sedunia yang diisytiharkan oleh *World Health Organization* (WHO) pada 10 Oktober setiap tahun. Bersempena dengan ini juga, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat telah mengisytiharkan bahawa bulan Oktober sebagai Bulan Kaunseling Kebangsaan.
  
7. Hari Integriti dan Hari Psikologi peringkat Kementerian Kerja Raya diadakan secara bersama pada hari ini iaitu 9 November 2017 dengan tema “Kesejahteraan Psikologi Pemangkin Insan Berintegriti”. Majlis ini akan dipenuhi dengan Wacana Ilmu dengan tajuk “Sampah bawah Tikar” yang mengutarakan isu berhubung ketirisan integriti penjawat awam dan “*Sleeping with Monster*” yang akan mengupas isu keganasan rumahtangga.

Para hadirin sekalian,

8. Saya berharap penganjuran Hari Integriti dan Hari Psikologi peringkat Kementerian Kerja Raya ini akan dapat mencapai tujuan penganjurannya iaitu:

- Untuk memupuk kesedaran dalam kalangan anggota di Kementerian dan Agensi-agensi lain di bawahnya mengenai keperluan dan kepentingan membina nilai-nilai murni dan berintegriti;
- Penglibatan dan sokongan Ketua Jabatan dan pegawai atasan melalui program ini mampu memberi tanggapan yang baik dan membina imej Kementerian ke arah mempertingkatkan sistem tadbir urus yang baik dan telus;
- Memberi penjelasan mengenai isi-isu berkaitan kesalahan tata tertib dan mewujudkan kesedaran tentang norma tatakelakuan yang baik kepada pegawai dan kakitangan di Kementerian dan Agensi; dan
- Meningkatkan kesedaran tentang isu-isu kesihatan mental dan menyediakan peluang dalam mendidik dan keperluan menjaga kesihatan mental. Ini juga melibatkan kesedaran berkaitan kesejahteraan dalam kekeluargaan yang perlu difokuskan dalam mencapai masyarakat sejahtera khususnya di Kementerian Kerja Raya Malaysia.

## **Program Pembudayaan Integriti**

Para hadirin sekalian,

9. Sistem tadbir urus sektor awam yang baik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan utama dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Sehubungan itu, Kementerian sentiasa mengambil langkah pro-aktif untuk memantapkan integriti bagi memastikan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cemerlang dan berdaya saing tinggi.
  
10. Selari dengan itu juga, sejak penubuhannya pada Mac 2014, Unit Integriti sentiasa mengambil langkah untuk menzahirkan hasrat kerajaan bagi memantapkan integriti penjawat awam dengan pengamalan tadbir urus yang baik, membina kompetensi, meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan produktiviti warga kerja khususnya di Kementerian dan Jabatan serta Agensi-agensi dibawahnya. Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian melalui Unit Integriti telah mengambil pelbagai inisiatif seperti Program Rakan Integriti KKR, Ikrar Bebas Rasuah, penganjuran kursus-kursus pengukuhan integriti dan nilai-nilai murni, Kod Etika KKR serta membuat hebahan mengenai amalan berintegriti melalui email dan portal kementerian secara berterusan.

11. Program-program yang disusun ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan amalan berintegriti khususnya kepada warga KKR dan agensi dibawahnya. Pembudayaan amalan integriti ini diharap dapat melahirkan warga kerja yang lebih efisien, produktif dan beretika serta mampu untuk mewujudkan mekanisme kawalan bagi memastikan peraturan dan dasar yang telah ditetapkan dipatuhi seterusnya mengurangkan statistik kesalahan tatatertib di Kementerian ini.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

Para hadirin sekalian,

12. Suka saya mengingatkan di sini agar Ketua-ketua Jabatan dan Agensi haruslah sentiasa peka dan prihatin dengan isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara serta mengambil iktibar dan mempelajari daripada pengalaman-pengalaman kurang baik yang didedahkan oleh Jabatan Audit Negara. Unit Integriti bertanggungjawab menjalankan siasatan ke atas penemuan audit dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi mengenalpasti penambahbaikan dan mengurangkan berlakunya kesalahan yang berulang. Siasatan yang dilaksanakan adalah berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Audit Dalam dan surat-surat aduan yang diterima. Pada tahun ini, siasatan juga turut dijalankan berhubung dengan keputusan penghakiman bagi kes-kes yang diputuskan di mahkamah, di mana pihak Kerajaan perlu membayar ganti rugi kepada pihak yang membuat tuntutan. Sehingga Oktober 2017, sebanyak 8 kes yang diputuskan di

mahkamah telah disiasat di mana 4 daripada kes tersebut adalah kes kemalangan jalan raya yang melibatkan pegawai / pemandu KKR dan JKR manakala 4 kes lagi melibatkan pengurusan projek Kerajaan.

13. Sehubungan dengan itu, semua warga KKR dan agensi perlu lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas masing-masing agar tidak terlibat dalam kes mahkamah yang bukan sahaja mengakibatkan kerugian di pihak Kerajaan malah boleh diambil tindakan tatatertib jika didapati berpunca daripada kecuaiannya pegawai.

## **Kesejahteraan Psikologi**

Para hadirin sekalian,

14. Dalam membincangkan konteks pelaksanaan tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan, kesejahteraan psikologi juga memainkan peranan yang penting. Konsep kesejahteraan ini membawa makna yang amat luas. Kesejahteraan bersifat objektif boleh dinilai dari segi kestabilan emosi, pengukuhan tingkah laku, motivasi bekerja dan kekuatan jiwa yang berupaya menangani setiap isu dan permasalahan manakala kesejahteraan yang bersifat subjektif boleh dilihat berdasarkan elemen psikologi warga kerja.
15. Dengan cabaran kehidupan yang sangat mencabar, kekuatan psikologi amat penting kerana *mental disorder*

merupakan penyakit yang ke-2 tertinggi selepas penyakit jantung. Melalui program psikologi yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, saya yakin, warga kerja KKR telah disediakan dengan perkhidmatan psikologi yang berkualiti oleh Pegawai Psikologi yang profesional. Ini dibuktikan dengan pencapaian Kementerian Kerja Raya yang telah mencapai standard kualiti 5 Bintang bagi Audit Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) Jabatan Perkhidmatan Awam 2017. Tahniah, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). Perkhidmatan psikologi yang berkualiti menjamin kesejahteraan minda warga kerja KKR secara keseluruhannya.

## **Kesimpulan**

Para hadirin sekalian,

16. Saya yakin dengan adanya sambutan sebegini ianya akan dapat menyemarakkan semangat warga KKR agar lebih berintegriti dan mengamalkan ciri-ciri keperibadian yang tinggi. Ini adalah sangat penting kerana dengan adanya integriti, keutuhan peribadi dan kesejahteraan emosi, ianya boleh menjamin keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan selari dengan seruan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan seterusnya mencapai kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.
17. Mengambil kira perubahan persekitaran kerja yang kompleks pada masa kini, dan bagi mengharungi cabaran yang mendatang



maka sudah tentulah kita amat memerlukan warga kerja yang komited dalam menjalankan tugas seharian dan kreatif untuk melakukan perubahan ke arah mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

18. Dengan itu, sambutan Hari Integriti dan Hari Psikologi 2017 ini, diharap dapat menerapkan lagi nilai integriti, etika kerja yang unggul serta mewujudkan kesejahteraan emosi dalam kalangan warga kementerian dan sekaligus meningkatkan imej kementerian.

## **Penutup**

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Unit Integriti dan Cawangan Psikologi KKR selaku penganjur majlis ini dan semua pihak yang turut serta menjayakan program ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Hari Integriti dan Hari Psikologi Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2017.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.